**KERTAS 3**

| Soalan | Kriteria pemarkahan | Markah | | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1(a) | **Dapat merancang eksperimen dengan menggunakan radas dan bahan yang diberikan.**<br><br>*Cadangan jawapan*: | 4 | | 4K – 4 markah<br>3K – 3 markah<br>2K – 2 markah<br>1K – 1 Markah |
| | 1. **Potong** kuboid agar-agar berwarna (merah jambu) yang disediakan kepada 3 bentuk berbeza menggunakan pisau di atas jubin putih iaitu:<br>● A : 0.5cm X 1.0cm X 1.0cm<br>● B : 1.0cm X 1.0cm X 1.0cm<br>● C : 1.5cm X 1.0cm X 1.0cm<br>*Cut the prepared colored (pink) agar cubes into 3 different shapes using a knife on a white tile which are:*<br>● *A : 0.5cm X 1.0cm X 1.0cm*<br>● *B : 1.0cm X 1.0cm X 1.0cm*<br>● *C : 1.5cm X 1.0cm X 1.0cm* | 1 | K1K4 | |
| | 2. **Masukkan** ketiga-tiga agar-agar tersebut ke dalam piring petri<br>*Put the three agar into the petri dish* | 1 | K1 | |
| | 3. **Tuangkan** 40 ml larutan S ke dalam piring petri (yang mengandungi ketiga-tiga agar-agar).<br>*Pour 40 ml of solution S into the petri dish (which contains all three agars).* | 1 | K1K2 | |
| | 4. **Mula** jam randik.<br>*Start the stopwatch* | 1 | K1 | |
| | 5. **Perhati dan rekod** masa untuk keseluruhan agar-agar bewarna bertukar menjadi tanpa warna dengan menggunakan **jam randik** di dalam jadual 1.<br>***Observe and record** the time for the whole agar decolourise / to turn colorless by using **stopwatch** into table 1.* | 1 | K3 | |
| | 6. **Sentuh** agar-agar perlahan-lahan dengan menggunakan rod kaca bagi memastikan semua permukaan agar-agar bersentuhan dengan larutan S.<br>***Touch** the agar gently by using a glass rod to ensure that all surface of the agar is in contact with the S solution* | 1 | K1 | |

https://t.me/cikgufazliebiosensei

<table>
<tr>
<td>1(b)(i)</td>
<td>

**Dapat merekod masa yang diambil untuk agar-agar berwarna berubah menjadi tanpa warna dengan betul**

| Agar-agar<br><br>*Agar* | Jumlah luas permukaan kepada isipadu ($cm^{-1}$)<br><br>*Total surface area per volume ($cm^{-1}$)* | Masa yang diambil untuk agar-agar berwarna bertukar menjadi tanpa warna (minit)<br>*The time taken for the coloured agar to turn colourless (minute)* |
|---|---|---|
| A | $\frac{4\ cm^2}{0.5\ cm^3} = 8.0$ √ | 6 - 7 √ 5+ |
| B | $\frac{6\ cm^2}{1\ cm^3} = 6.0$ √ | 7 - 9 √ 10+ |
| C | $\frac{8\ cm^2}{1.5\ cm^3} = 5.3$ √ | 9 - 11 √ 14+ |

0.5<br>1.0<br>1.5

</td>
<td></td>
<td>6</td>
<td>√ = 1m<br><br>Nota :<br>Terima mana-mana jawapan di dalam julat masa yang diberikan bagi setiap agar-agar.</td>
</tr>
<tr>
<td>1(b)(ii)</td>
<td>

**Dapat memberi inferens bagi pemerhatian terhadap agar-agar C.**

Contoh jawapan:

Nisbah jumlah luas permukaan kepada isi padu (JLP/I) agar-agar C paling kecil // Saiz agar-agar C paling besar // Kadar resapan paling perlahan.
*The ratio of total surface area to volume (JLP/I) of agar C is the smallest // Size of agar C is the largest // The rate of difussion is the slowest*

</td>
<td><br><br><br>1</td>
<td>1</td>
<td></td>
</tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1(c) | **Dapat membina hipotesis bagi eksperimen dengan betul**<br><br>P1: Saiz agar-agar/ Jumlah luas permukaan kepada isipadu<br>*size of the agar / total surface area per volume*<br>P2: kadar resapan / masa untuk keseluruhan warna (pink) agar-agar meluntur / bertukar menjadi tanpa warna<br>*rate of diffusion/ time for the whole color (pink) of the agar to decolourise/ turn to colorless.*<br><br>*Contoh jawapan:*<br><br>Semakin besar saiz agar-agar, semakin perlahan / rendah / berkurang kadar resapan larutan S<br>// Semakin besar saiz agar-agar, semakin panjang masa untuk keseluruhan warna (pink) agar-agar meluntur / bertukar menjadi tanpa warna.<br><br>*The larger the size of the agar, the slower/lower/reduced the rate of diffusion of solution S*<br>*// The larger the size of the agar, the longer the time for the whole color (pink) of the agar to turn colorless.* | <br><br>1<br><br><br>1 | 2 | |
| 1(d) | **Dapat menyatakan definisi secara operasi bagi resapan.**<br><br>P1: Resapan ialah proses **pergerakan molekul S ke dalam kuboid/kiub agar-agar merah jambu A/B/C** yang mempunyai **jumlah luas permukaan kepada isipadu** paling kecil/besar iaitu 8.0/6.0/5.3 $cm^{-1}$.<br>*Diffusion is the process of movement of S molecules into pink agar cuboids/cube A/B/C which have the smallest/biggest total surface area per volume which is 8.0 /6.0 /5.3 $cm^{-1}$*<br>P2: Ini ditunjukkan oleh **masa untuk agar-agar meluntur / bertukar menjadi tanpa warna** adalah paling tinggi / rendah. | <br><br>1<br><br><br><br><br><br><br>1 | 2 | Nota:<br>Jenis agar-agar mesti sepadan dengan JLP/I dan masa agar-agar meluntur |

https://t.me/cikgufazliebiosensei

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | It shown by *the time for the agar to decolourise/turn colorless is the highest.*<br><br>*Contoh jawapan*<br><br>Resapan ialah proses pergerakan molekul larutan S ke dalam kuboid agar-agar merah jambu C yang mempunyai jumlah luas permukaan kepada isipadu paling kecil iaitu 5.3 $cm^{-1}$ yang menyebabkan masa untuk agar-agar bertukar menjadi tanpa warna adalah paling tinggi.<br><br>*Diffusion is the process of movement of solution S molecules into pink agar cuboids C which have the smallest total surface area per volume which is 5.3 $cm^{-1}$ that causes the time for the agar to turn colorless is the highest.* | | | |
| | **JUMLAH** | | **15** | |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**